

## Gelandangan Wanita dan Kemiskinan Feminisme

### *(Homeless Women and Poverty Feminism)*

Mohd Alif Jasni<sup>1\*</sup>, Wan Munira Wan Jaafar<sup>2</sup>, Zumilah Zainalaludin<sup>3</sup>  
Noralina Omar<sup>4</sup>, Siti Hajar Abu Bakar Ah<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah, Malaysia;

Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (iPSYCORE), Universiti Utara Malaysia, Sintok 06010, Kedah, Malaysia;

Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur, Menara Putra, 15-02-08, Lorong Tiong Nam 5, Chow Kit, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: [mohd.alif.jasni@uum.edu.my](mailto:mohd.alif.jasni@uum.edu.my)

<sup>2</sup>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Jalan Universiti 1 Serdang, 43400 Seri Kembangan, Selangor, Malaysia.

Email: [wanmunira@upm.edu.my](mailto:wanmunira@upm.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Jalan Universiti 1 Serdang, 43400 Seri Kembangan, Selangor, Malaysia.

Email: [zumilah@upm.edu.my](mailto:zumilah@upm.edu.my)

<sup>4</sup>Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia;

Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur, Menara Putra, 15-02-08, Lorong Tiong Nam 5, Chow Kit, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: [noralina@um.edu.my](mailto:noralina@um.edu.my)

<sup>5</sup>Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: [shajar@um.edu.my](mailto:shajar@um.edu.my)

### ABSTRAK

#### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Mohd Alif Jasni

([mohd.alif.jasni@uum.edu.my](mailto:mohd.alif.jasni@uum.edu.my))

#### KATA KUNCI:

Gelandangan wanita

Kemiskinan feminisme

Kemiskinan

Faktor-faktor

Malaysia

#### KEYWORDS:

Homeless women

Feminism poverty

Poverty

Factors

Malaysia

#### CITATION:

Mohd Alif Jasni et al. (2022). Gelandangan Wanita dan Kemiskinan Feminisme. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001961.

Kemiskinan boleh digambarkan sebagai suatu bentuk kesukaran yang dialami oleh seseorang untuk memenuhi keperluan minimum biologi, sosial, rohani dan budaya seseorang. Gelandangan wanita adalah kelompok marginal yang paling terdedah kepada situasi sukar di mana mereka mengalami kehidupan yang destruktif dan menyedihkan terutamanya disebabkan oleh kemiskinan yang dilalui. Fenomena ini sebahagian besarnya berkaitan dengan bagaimana wanita diwakili secara tidak seimbang dalam komuniti dan status sosioekonomi yang lebih rendah berbanding lelaki dalam status sosioekonomi yang sama. Kertas konsep ini akan memfokuskan perbincangan tentang kemiskinan feminisme terutama dari segi pendefinisian dan faktor-faktor yang menyebabkan wanita cenderung untuk menjadi gelandangan. Hasil perbincangan ini dapat digunakan dalam menambahkan pengetahuan kepada bidang ilmu terutama buat gelandangan wanita sebagai komuniti yang sering terpinggir dalam perbincangan ilmu.

### ABSTRACT

Poverty can be described as a form of difficulty

<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.1961>

experienced by a person to meet the minimum biological, social, spiritual and cultural needs of a person. Homeless women are the most vulnerable group of marginalized people and face difficult situations where they experience a destructive and miserable life mainly due to the poverty they have to live through. This phenomenon is largely related to how women are disproportionately represented in communities and of lower socioeconomic status than men of the same socioeconomic status. This concept paper will focus the discussion about feminism poverty, especially in terms of definitions and factors that cause women to tend to become homeless. The results of this discussion can be used to increase knowledge in the field, especially for homeless women as a community that is often marginalized in social science discussions.

**Sumbangan/Keaslian:** Artikel ini berusaha dalam membincangkan isu gelandangan wanita dari sudut kemiskinan feminisme. Di samping itu, penulisan ini bagi merencanakan lebih banyak perbincangan berkaitan kemiskinan feminisme di peringkat tempatan. Penggunaan gelandangan wanita sebagai subjek perbincangan membuatkan penerokaan tentang isu kemiskinan feminisme dalam lensa yang berbeza. Ia memberi ruang buat pengkaji di masa akan datang untuk mendapat inspirasi dan ilham untuk mengkaji gelandangan wanita dari sudut ini.

## 1. Pengenalan

Isu berkaitan gelandangan boleh dikatakan sebagai isu global kerana banyak negara di dunia mengalaminya. Terdapat pelbagai kategori gelandangan seperti bekas banduan, penagih dadah, pekerja seksual, individu transgender, orang kurang upaya dari segi fizikal dan mental, warga emas, kanak-kanak terbiar dan imigran. Kewujudan golongan gelandangan ini bukan isu yang baharu dalam kalangan masyarakat. Malahan, ia berlaku di banyak negara sama ada negara yang sedang membangun, membangun dan maju. Setiap negara di dunia tidak akan pernah lari daripada isu gelandangan sehingga idea untuk mendapat sifar gelandangan seakan menjadi sangat idealistik (Mohd Alif, 2022). Kesukaran untuk membasmi isu gelandangan memberi cabaran yang besar kepada agensi kerajaan dan pihak berkepentingan lain. Terdapat juga isu di mana gelandangan yang mewariskan kemiskinan kepada anak-anak mereka. Keadaan ini menyebabkan gelandangan yang wujud adalah melibatkan beberapa generasi. Proses mengurangkan populasi gelandangan mengambil masa yang agak lama. Tiada negara di dunia yang mempunyai formula yang tepat dalam mengurangkan gelandangan.

Gelandangan membawa maksud mereka yang tidak mempunyai pekerjaan dan tempat tinggal yang tetap di mana golongan ini sering kali kelihatan menjadikan kaki lima premis sebagai tempat beristirahat. Pemilihan hidup di jalanan disebabkan kesukaran dalam mendapatkan tempat tinggal yang stabil. Gelandangan boleh terdiri daripada golongan yang kronik, bersifat sementara atau juga yang berulang kali menjadi gelandangan mengikut keadaan. Mereka yang dari kalangan yang ada suatu masa mempunyai tempat tinggal untuk menyewa dan menjadi gelandangan semula pada suatu tempoh yang lain. Fokus utama perbincangan kertas konsep ini dengan lensa yang spesifik iaitu memfokuskan pada gelandangan wanita atau wanita yang menghadapi masalah tempat tinggal dalam konteks Malaysia, terutama sekali di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur. Kertas konsep ini akan mengambil pelbagai input dari kajian

antarabangsa mahupun tempatan. Antara perkara yang amat membimbangkan adalah pertambahan bilangan gelandangan termasuk wanita di negara ini, di mana ia dilihat sebagai trend yang hampir sama berlaku di negara maju dan membangun seperti Amerika Syarikat, Australia dan India.

Walau bagaimanapun, tidak banyak kajian yang dilakukan berkaitan kewujudan gelandangan wanita di Kuala Lumpur yang dilihat sebagai kekurangan fokus pada isu berbangkit. Sebelum beralih dengan lebih mendalam mengenai gelandangan wanita di Malaysia, amatlah wajar untuk melihat dari lensa global untuk memahami di sebalik perkara yang berlaku secara meluas supaya masyarakat mampu untuk menegenahkan lebih banyak idea-idea untuk mengatasi isu ini. Setiap negara di dunia tidak terkecuali daripada percambahan gelandangan yang semakin berleluasa. Secara faktanya, status sesebuah negara itu tidak mencerminkan kondisi gelandangan sebenar yang menimpa di negara tersebut termasuk negara miskin, negara membangun walhal negara maju sekalipun. Hal ini kerana apabila membincangkan tentang gelandangan wanita yang wujud di dalam negara boleh turut melibatkan angka gelap yang tidak dilaporkan. Angka gelap yang dimaksudkan ini adalah dari kalangan yang tidak diketahui atau direkodkan ke dalam statistik. Hal ini boleh berpunca daripada pendefinisian operasional yang memfokuskan kepada golongan yang berada di jalanan, terdedah dan mengemis. Tidak banyak yang diketahui tentang kelompok gelandangan wanita yang wujud di dalam Malaysia. Gelandangan wanita yang wujud boleh hadir dalam keadaan tersembunyi di mana kehadiran mereka tidak diketahui oleh orang awam. Mereka yang menyewa di tempat tinggal yang sangat tidak kondusif apabila terpaksa berkongsi bilik, ruang pengudaraan yang tidak baik, ketiadaan tingkap di dalam bilik, tidak mempunyai dapur dan perlu berkongsi tandas dengan penghuni bilik sewa yang lain. Keadaan tempat tinggal sebegini adalah tidak dilengkapi dengan keselamatan yang baik apabila mereka boleh terdedah kepada ancaman. Hal ini berpunca daripada pintu bilik yang kurang selamat, penghuni-penghuni bilik lain yang tidak diketahui dan sebagainya. Kehidupan gelandangan wanita sebegini boleh menjadi sangat membimbangkan.

Stigma yang sukar diasingkan ialah terdapat anggapan bahawa hanya kerana kehidupan di jalanan ini amat merisikokan dan membahayakan nyawa, wujud stereotaip bahawa golongan lelaki sahaja yang sering dikategorikan sebagai gelandangan. Pada hakikatnya, terdapat beberapa kategori gelandangan yang wujud iaitu lelaki, wanita, kanak-kanak dan keluarga. Masyarakat tidak menyedari akan kewujudan gelandangan wanita kerana mereka adalah antara yang tersembunyi dan gelandangan wanita bukanlah perkara baru kerana ia sudah wujud bertahun-tahun yang lalu ([Gaetz, Donaldson, Richter, & Gulliver-Garcia, 2013](#)). Maka, kertas konsep yang hadir ini memberi keadilan kepada perbincangan tentang gelandangan sedia ada. Keperluan dalam meneroka kehidupan gelandangan wanita bagi mengisi kelompangan kepada badan pengetahuan. Mereka yang hadir dengan pelbagai faktor risiko yang bertindan dan berlapis. Pelbagai masalah dan risiko gelandangan boleh menjadikan mereka boleh berterusan dan berkekalan menjadi gelandangan untuk tempoh yang panjang.

Golongan gelandangan ini juga bukanlah insan yang sememangnya lahir ditakdirkan hidup di kaki lima, akan tetapi mereka mempunyai cerita hidup yang berbeza. Ada antara mereka yang asalnya hidup mewah, berpendidikan tinggi dan mempunyai kesihatan yang baik pada sebelumnya. Namun, setelah melalui satu fasa kejatuhan, mereka terpaksa hidup dengan cara begitu. Sesetengah daripada mereka juga mempunyai kelayakan untuk bekerja walaupun kurang bermotivasi untuk meneruskannya. Majoriti gelandangan dikaitkan dengan tiadanya pekerjaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, ketiadaan pekerjaan yang menjadi punca pendapatan bagi

memenuhi keperluan asas mendorong golongan ini untuk hidup sebagai gelandangan di mana mereka tidak perlu menanggung beban dalam memenuhi keperluan asas seperti tempat tinggal dan sebagainya. Stigma masyarakat yang memandang serong kepada golongan gelandangan juga menyebabkan mereka sukar untuk diterima dalam pekerjaan menyukarkan lagi golongan ini untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka. Tahap pendidikan yang sangat rendah turut memberi impak kepada keupayaan untuk memperoleh pekerjaan. Keadaan sebegini menyebabkan ramai gelandangan wanita yang hanya mampu memperoleh pekerjaan dengan gaji yang rendah atau tidak setimpal dengan gaji yang diberikan. Ketiadaan peluang yang banyak membuatkan gelandangan wanita ini akan menerima bentuk pekerjaan yang ditawarkan. Gaji yang rendah turut disebabkan oleh majikan yang mengambil kesempatan atas ketidaksenangan yang dihadapi oleh gelandangan wanita ini. Malahan, berlaku juga situasi peluang-peluang pekerjaan yang banyak ditawarkan kepada golongan lelaki berbanding perempuan. Di sini, berlakunya diskriminasi pekerjaan yang wujud apabila gelandangan wanita dipandang tidak bersesuaian untuk melakukan sesuatu pekerjaan atas sebab gender mereka.

Kehidupan di jalanan menyebabkan para gelandangan ini berdepan dengan pelbagai kemungkinan bahaya dan berisiko seperti gangguan kesihatan dan keselamatan diri. Begitu juga, wanita yang tidak terkecuali mengalami kemudaratan akibat menjalani kehidupan bergelandangan ini. Keadaan tahap kesihatan yang rendah menyebabkan mereka lebih cenderung mendapat penyakit kronik atau penyakit berangkai yang lain. Terdapat juga situasi di mana gelandangan wanita boleh mendapat pneumonia disebabkan oleh keadaan hidup di jalanan. Keadaan cuaca yang sering berubah dari sejuk ke panas boleh menyebabkan terjadinya penyakit pneumonia di jalanan. Ketiadaan kewangan yang mencukupi turut menyebabkan gelandangan wanita enggan mendapatkan rawatan di hospital. Kebimbangan dengan bil hospital yang tinggi sekiranya dimasukkan ke dalam hospital menjadikan gelandangan wanita memilih untuk merawat secara sendiri. Ramai dari mereka yang turut sering memilih untuk merawat sendiri penyakit yang ada dan menunggu penyakit untuk sembuh dengan sendiri. Hal ini berpunca daripada kemiskinan yang dihadapi oleh gelandangan wanita. Mereka tidak mempunyai peluang yang banyak dalam memperbaiki nasib. Kebanyakan mereka terpaksa untuk melalui kehidupan jalanan sepanjang hidupnya. Menurut [Klitzing \(2004\)](#) kemiskinan wanita menyebabkan mereka tiada pilihan untuk meneruskan hidup melainkan terpaksa berakhir menjadi gelandangan. Tidak ramai masyarakat yang sedar tentang kewujudan wanita bergelandangan kerana mereka adalah antara yang tersembunyi dan tidak diketahui di dalam komuniti bergelandangan ([Gaetz et al., 2013](#)). Sedangkan, didapati gelandangan wanita bukan lagi suatu fenomena baru malahan ianya telah wujud sejak beberapa dekan yang dahulu.

Isu gelandangan wanita tidak dianggap sebagai salah satu isu penting bagi sesebuah negara. Kemiskinan bagi status negara sama ada negara membangun dan miskin menjadikan isu gelandangan wanita ini terjadi. Walaupun begitu setiap negara mempunyai cara-cara dan mekanisme tersendiri menangani masalah gelandangan wanita. Faktor-faktor yang membawa kepada isu gelandangan wanita adalah dari pelbagai aspek, ianya merujuk kepada situasi yang amat kompleks dan bergantung kepada persekitaran sosial, ekonomi dan politik negara berkenaan. Terdapat beberapa laporan berkenaan dengan gelandangan wanita di setiap negara. Ketidakkampuan kerajaan menyediakan tempat tinggal yang mencukupi, kemiskinan dan akses terhad kepada keperluan asas antara faktor yang menyebabkan peningkatan golongan gelandangan wanita di dunia. Manakala di Malaysia pula, wanita bergelandangan di

Kuala Lumpur adalah sebanyak 15% dan 22% adalah warga emas ([The Rakyat, 2014](#)). Sama seperti negara membangun dan maju, negara miskin tidak terkecuali menghadapi peningkatan bilangan gelandangan wanita. Malah gelandangan wanita yang tinggal di negara miskin adalah besar dan mengalami kekurangan sumber asas seperti menyediakan bantuan perumahan dan keperluan asas. Dalam kertas konsep ini, penulis ingin melihat isu gelandangan wanita ini dari sudut kemiskinan feminisme. Hal ini kerana menurut kemiskinan feminisme ini apabila kemiskinan yang berlaku di dalam sesebuah negara itu adalah sebagai terlalu wanita. Situasi sebegini didapati kerana wanita adalah lebih cenderung untuk hidup dalam kemiskinan daripada lelaki. Keupayaan untuk memecahkan situasi kemiskinan adalah lebih sukar buat golongan wanita berbanding lelaki. Hal ini terjadi apabila wanita didapati menghadapi proses yang jauh lebih sukar untuk mengeluarkan diri daripada kemiskinan. Maka, dengan itu, penting buat kertas konsep ini untuk membincangkan dengan lebih lanjut tentang kemiskinan feminisme di dalam subtopik seterusnya.

## 2. Kemiskinan Feminisme

Kajian berkenaan kemiskinan feminisme telah dilakukan sejak tahun 1980an lagi oleh sekumpulan feminis negara dunia ketiga yang mana ketika itu melakukan analisis fenomena kemiskinan dari sudut jantina ([Desarrollo, 2004](#)). [Desarrollo \(2004\)](#) mendedahkan fenomena kemiskinan secara khusus wanita yang terjejas dan menunjukkan bahawa wanita miskin melebihi bilangan lelaki miskin, wanita menderita kemiskinan yang lebih teruk berbanding lelaki dan kemiskinan wanita menunjukkan kecenderungan yang lebih ketara disebabkan oleh peningkatan dalam bilangan isi rumah yang diketuai oleh ibu tunggal. Maka, tercetuslah satu andaian yang dinamakan fenomena 'kemiskinan feminisme'. Kemiskinan feminisme didefinisikan sebagai fenomena kemiskinan terhadap golongan wanita dan kanak-kanak yang tidak seimbang jika dibandingkan dengan lelaki ([MacKenzie, 2019](#)). Manakala [Veeran \(2000\)](#) menjelaskan kemiskinan feminisme adalah andaian asas bahawa kemiskinan adalah kekurangan yang memudaratkan kesejahteraan dan memerlukan satu analisis lengkap kemiskinan dan pemahaman berkenaan dengan cara yang dialami oleh wanita. [Desarrollo \(2004\)](#) menjelaskan kemiskinan feminisme ialah kekurangan pendapatan wanita berbanding dengan pendapatan lelaki yang dapat diketahui berdasarkan analisis yang dilakukan untuk membantu menjelaskan kumpulan tertentu berdasarkan jantina yang berkemungkinan terjejas akibat kemiskinan. [Chant \(2006\)](#) pula mendedahkan kemiskinan feminisme bukan hanya memfokuskan sentimen kekurangan pendapatan bahkan ianya ditunjukkan oleh kemiskinan jantina yang secara konsisten menekankan keperluan yang dikehendaki oleh manusia bersifat holistik mengutamakan keupayaan, mata pencarian, subjektiviti dan pengecualian sosial. Beliau menjelaskan lagi definisi kemiskinan feminisme berfokus kepada perspektif jantina yang mana mengaitkan konsep kemiskinan yang luas dengan merujuk kelemahan jantina contohnya kekurangan kuasa untuk mengawal keputusan mempengaruhi kehidupan seseorang. Manakala [McLanahan dan Kelly \(1999\)](#) menjelaskan kemiskinan feminisme menumpukan perhatian kepada perbezaan jantina dalam kemiskinan dalam abad yang lalu yang menjelaskan keadaan tidak sama rata kadar kemiskinan lelaki dan wanita dalam proses yang mana risiko kemiskinan wanita melebihi risiko lelaki.

Kemiskinan feminisme merujuk sejumlah besar adalah wanita yang hidup dalam kemiskinan. Kebanyakan mereka adalah ibu tunggal dan menjadi ketua dalam keluarga. Kemiskinan feminisme adalah situasi atau fenomena yang merujuk kepada peningkatan bilangan beberapa nisbah wanita yang hidup di bawah garis kemiskinan. Keadaan ini

diiktiraf sebagai feminisasi global kemiskinan adalah wanita yang mewakili golongan miskin dan memerlukan kewangan. Keadaan ini secara langsung turut membawa kepada peningkatan gelandangan wanita di dalam negara. Kemiskinan hidup yang menyebabkan lebih ramai wanita berakhir menjadi gelandangan. Kemiskinan diklasifikasikan dalam hasil penggabungan yang saintifik iaitu kekurangan, kesusahan, keperitan, dan kepayahan hidup yang dihadapi oleh seseorang individu, kekeluargaan dan institusi sosial (Kartini, 2016). Kemiskinan terbahagi kepada dua iaitu, kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak merujuk kepada keadaan di mana seseorang individu atau isi rumah yang tidak mampu untuk memenuhi keperluan asas bagi menikmati kesejahteraan hidup yang minimum dan munasabah (Norzita & Siti Hadijah, 2014). Keperluan asas seperti cukup makan minum serta tempat tinggal adalah penting dalam aspek kesejahteraan individu. Kemiskinan relatif pula ialah tahap kemiskinan yang berubah berdasarkan konteks - ia adalah relatif kepada iklim ekonomi. Kemiskinan relatif juga merujuk kepada keadaan di mana isi rumah menerima 60% daripada purata pendapatan isi rumah dalam ekonomi mereka sendiri. Mereka mempunyai sedikit wang, namun tidak cukup untuk membeli sesuatu yang melebihi asas.

Walaupun terdapat beberapa percanggahan pendapat berkaitan kemiskinan mengikut gender telah diperdebatkan, ia menunjukkan bahawa kemiskinan memberikan kesan yang berbeza kepada lelaki dan wanita. Oleh itu, bahagian ini akan merungkaikan definisi kemiskinan feminisme, isu-isu globalisasi berkenaan feminisme dan perspektif kemiskinan feminisme dengan lebih jelas. Titik permulaan kepada persoalan kemiskinan feminisme ialah mengapa segelintir wanita menjadi miskin manakala yang lain tidak terjebak dalam kemiskinan. Keadaan ini membawa kepada persoalan yang besar tentang kecenderungan wanita untuk lebih terdedah kepada lingkungan kemiskinan berbanding lelaki. Ia membawa kepada pandangan tentang kemiskinan yang wujud ini bersifat sangat feminin. Wanita didapati lebih sukar untuk memecahkan kepompong kemiskinan membuatkan mereka berterusan hidup dalam kemiskinan dan mewariskan kemiskinan kepada anak-anak mereka. Dari sudut pandangan kemiskinan feminisme, faktor kemiskinan yang berkaitan dengan jantina sering diperdebatkan di seluruh dunia dan terdapat pengkaji terdahulu yang menggunakan faktor jantina sebagai korelasi yang relevan kepada kemiskinan dan hanya digunakan dalam kalangan wanita yang mengalami kemiskinan tegar. Chant (2006) mendedahkan trend semasa dan merentas generasi mendapati peningkatan kemiskinan dalam kalangan wanita adalah wajar berdasarkan keadaan geografi dan populasi atau kerana jurang jantina dan pendapatan semakin meluas dalam kalangan golongan muda.

Berdasarkan pandangan teori Marxis, terdapat pembahagian kelas-kelas tertentu dalam masyarakat. Teori ini telah membahagikan fikiran manusia terhadap kelas-kelas dalam gred masyarakat seperti golongan bawahan ialah golongan miskin dan golongan kelas atas adalah golongan elit manakala golongan pertengahan adalah mereka yang bekerja makan gaji. Pembahagian kelas-kelas dalam masyarakat ini mendedahkan kedudukan kelas sosial menjadi punca utama kemiskinan wanita. Keadaan seseorang wanita menjadi miskin adalah disebabkan oleh gender yang dipegang sehingga membuatkan kesukaran dalam peluang memperbaiki diri dalam mengeluarkan diri dari kemiskinan. Gimenez (1995) menjelaskan pembahagian kelas-kelas dalam masyarakat meletakkan wanita tidak memainkan peranan dalam ekonomi. Beliau menjelaskan lagi wanita menjadi lambang kepuasan seksual dan meletakkan wanita dalam jurang kemiskinan. Terdapat juga diskriminasi gender dari segi peluang pekerjaan yang merencatkan peluang wanita dalam proses produktiviti dan ekonomi negara. Hal ini membuatkan

wanita mempunyai pilihan yang jauh lebih terhad untuk memperoleh peluang pekerjaan yang baik. Terdapat sesetengah pekerjaan yang dilabel sebagai pekerjaan yang lebih sesuai dilakukan oleh lelaki berbanding wanita misalnya dalam sektor kejuruteraan dan pembinaan, yang dikatakan lebih sesuai dilakukan oleh lelaki. Namun begitu, [Veeran \(2000\)](#) mendedahkan wanita pada hari ini sudah mahir dan berpendidikan tinggi yang mana wanita kini mempunyai dua tanggungjawab untuk mengekalkan rumah tangga dan bekerja. Beliau menjelaskan lagi kebanyakan wanita menghabiskan lebih masa bekerja daripada lelaki yang mana pekerjaan wanita tidak dikira dari segi keuntungan kewangan atau sumbangan kepada pembangunan ekonomi masyarakat. Walau bagaimanapun, diskriminasi gender masih lagi berterusan di dalam negara yang enggan menghargai wanita dalam beberapa sektor pekerjaan. Ia masih terbukti berlaku apabila wanita masih mempunyai cabaran untuk menembus masuk ke dalam bidang pekerjaan yang dianggap lebih bersesuaian untuk lelaki. Diskriminasi gender yang berlaku mempunyai kesan buruk kepada produktiviti dan juga boleh menjadi penyebab kemiskinan dalam kalangan wanita apabila peluang yang boleh diperoleh mereka adalah jauh lebih tipis.

Ketidaksamaan peluang untuk wanita untuk mendapatkan akses kepada sumber material dan sosial seperti pembahagian kerja menyebabkan wanita ketinggalan. Akses wanita yang sempit dan terhad kepada sumber-sumber tertentu sahaja ([Desarrollo, 2004](#)). [Melo \(2019\)](#) menjelaskan kemiskinan wanita membawa kepada kadar buta huruf. Beliau mengatakan analisis didapati wanita mewakili bahagian yang lebih tinggi daripada populasi buta huruf. Kemiskinan wanita ini membawa kepada punca-punca kanak-kanak di bawah jagaan wanita ibu tunggal berhenti bersekolah disebabkan kemiskinan. Selain itu, menurut [MacKenzie \(2019\)](#) menjelaskan bahawa kadar pengangguran wanita lebih tinggi dan jurang bagi lelaki telah meningkat. Beliau menjelaskan pada tahun 1990, kadar pengangguran wanita adalah sebanyak 5.1% manakala pengangguran lelaki sebanyak 4.3% pada tahun 1999. Kadar pengangguran terus meningkat lebih tinggi pada tahun 2015 bagi wanita tanpa melihat kelayakan pendidikan mereka. Tahap pendidikan yang rendah turut memburukkan lagi kesan kemiskinan. Peluang boleh menjadi tipis buat golongan wanita yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah. Stigma majikan terhadap golongan wanita yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah boleh menyukarkan peluang wanita ini untuk memperoleh pendidikan. Diskriminasi dalam pekerjaan boleh turut berlaku bukan sahaja disebabkan gender namun juga tahap pendidikan. Kemiskinan feminisme adalah fenomena proses yang berlaku dalam masyarakat di seluruh dunia. Bagi mengatasi masalah kemiskinan feminisme, konsep sama rata penting untuk membantu golongan wanita keluar daripada kemiskinan. Keperluan dalam memperkenalkan peluang dan ruang agar wanita ini dapat memperbaiki diri mereka dan mengeluarkan diri dari kepompong kemiskinan. Menurut [Chant \(2014\)](#), impak dasar utama kerajaan terutama dalam urusan 'feminisasi' campur tangan anti kemiskinan yang menekankan pemerksaan wanita sebagai yang amat penting kepada mengurangkan kemiskinan. Strategi untuk memperkasakan wanita melalui promosi penglibatan wanita dalam aktiviti imbuhan melalui pekerjaan bergaji atau perniagaan yang mana wanita dapat menjana pendapatan sendiri bagi keluar daripada masalah kemiskinan yang mereka hadapi. Dasar yang perlu diperkenalkan agar menjadi lebih responsif dan sensitif terhadap gender. Keperluan dalam mempertimbangkan isu dan keperluan wanita dalam dasar yang berusaha untuk membasmi kemiskinan. Hal ini bagi memastikan dasar yang diperkenalkan menjadi lebih proaktif untuk golongan wanita sekali gus berupaya membasmi kemiskinan yang wujud dalam kalangan wanita.

-Kemiskinan feminisme yang melibatkan multidimensi budaya, sosial dan struktur boleh memburukkan lagi situasi kemiskinan terutama dalam kalangan wanita dewasa dan kanak-kanak. Tidak dinafikan, wanita diberikan peluang untuk mengambil jawatan serta mengisi pekerjaan di seluruh dunia. Namun demikian, terdapat segelintir wanita masih terpinggir dalam arus kemodenan disebabkan kemiskinan yang mereka hadapi. Kemiskinan menyebabkan wanita sering ditindas dan menghadapi peminggiran sosial (Melo, 2019). Kemiskinan feminisme sering dikaitkan dengan dakwaan wanita adalah majoriti kelompok miskin di dunia, yang mana kelaziman kemiskinan dalam kalangan wanita semakin meningkat berbanding lelaki. Kemiskinan wanita dikaitkan dengan 'feminisasi' terhadap wanita sebagai ketua sebagai isi rumah (Chant, 2006). Menerusi penulisan Chant (2015), kemiskinan dapat dilihat daripada pendapatan dan akses sesuatu keperluan asas yang diperlukan oleh wanita. Walau bagaimanapun, beliau mendedahkan terdapat ketidakselarasan dari segi sokongan data daripada pernyataan tersebut kerana kemiskinan wanita terlalu subjektif dan mencabar mengikut peredaran teknologi kini. Selain itu, kemiskinan feminsime menurut Sicchia dan Maclean (2006) melibatkan isu ketidaksetaraan jantina yang mana wanita dan kanak-kanak perempuan dianggap lebih terdedah kepada kemiskinan yang teruk. Ia suatu yang membimbangkan apabila wanita dan kanak-kanak ini lebih cenderung terdedah kepada kemiskinan. Keadaan ini membuatkan lebih ramai wanita yang hidup dalam kemiskinan dan berterusan dengan keadaan hidup sedemikian.

Satu lagi masalah utama yang berkaitan dengan tumpuan kepada pendapatan dalam 'kemiskinan feminisme' ialah statistik pemisahan jantina yang berkaitan berdasarkan Bahagian Perangkaan United Nations Research Institute for Social Development (2005) mendedahkan 1.3 bilion orang hidup dalam kemiskinan mutlak adalah wanita walaupun data khusus jantina dibuktikan sebanyak 70%. Walaupun terdapat slogan di majlis Konvokesyen Penghapusan semua bentuk diskriminasi wanita namun data diterima kemiskinan wanita melebihi jantina lelaki. Kemiskinan dikaitkan dengan kekurangan pendapatan dan dikategorikan peluang dan sekatan pilihan untuk mencapai kualiti kehidupan terbaik (Fukuda-Parr, 1999). Perspektif isu jantina yang digunakan memecahkan kebuntuan punca kemiskinan dan halangan yang dihadapi oleh wanita untuk melarikan diri dari cengkaman kemiskinan. Untuk memahami bahawa kemiskinan dalam kalangan wanita dewasa dan kanak-kanak adalah sama seperti kekurangan agensi kerajaan seluruh dunia memfokuskan permasalahan ini, kawalan kerajaan tidak cekap membantu golongan wanita, pilihan terhad dan peluang yang terhad dari sumber dana diperuntukkan oleh kerajaan yang sedikit (Chant, 2006).

Beberapa negara berusaha menangani kemiskinan wanita. Berdasarkan kajian yang Cagatay (1998) yang mengukur pendapatan atau garis kemiskinan penggunaan berdasarkan isi rumah yang diketuai oleh wanita, terdapat kebajikan masyarakat yang mengambil berat bagi wanita yang bergelar ibu tunggal. Hal ini kerana pihak kerajaan telah mengenal pasti wanita adalah tertakluk kepada diskriminasi dalam buruh, kredit dan pelbagai pasaran yang membolehkan wanita memiliki harta lebih sedikit berbanding lelaki (MacKenzie, 2019). Ianya dapat dilihat dalam masyarakat di seluruh dunia apabila wanita menjadi balu, bercerai atau ditinggalkan suami mungkin tertakluk kepada peminggiran sosial, pengasingan dan gangguan dari bekas suami menjadikannya amat sukar untuk wanita terbabit mencari nafkah untuk diri sendiri dan anak-anak mereka. Golongan wanita ibu tunggal lebih cenderung untuk berada dalam kemiskinan. Ibu tunggal yang mempunyai anak kecil mungkin menghadapi kekangan masa dan terhad untuk melakukan pekerjaan. Isu ini menjadi bukti bahawa wanita semakin miskin dari semasa ke semasa berbanding lelaki. Cagatay (1998) mendedahkan laporan

61 kajian tentang hubungan antara wanita dan kemiskinan 38 mendapati wanita ibu tunggal mewakili golongan miskin dan 15 kajian lain mendapati kemiskinan dikaitkan wanita tertentu atau dari mana-mana persatuan memberikan petunjuk kemiskinan tertentu. Dalam kajian ini, penulis ingin memfokuskan gelandangan wanita sebagai subjek perbincangan. Bagi penulis, gelandangan wanita yang berada di jalanan berada dalam keadaan terdedah dengan kemiskinan. Mereka yang tidak mempunyai banyak peluang dalam kehidupan menjadikan mereka terhimpit dengan kehidupan miskin. Maka, adalah penting untuk memberi penekanan kepada gelandangan wanita sebagai wadah perbincangan kerana ia agak yang lebih berbeza daripada kajian terdahulu. Kertas konsep ini memberi membawa suara kepada gelandangan wanita dalam melaporkan tentang isu kemiskinan.

Maka dari huraian isu kemiskinan feminisme tersebut, terdapat beberapa persoalan yang ditimbulkan contohnya mengapa wanita lebih miskin daripada lelaki? Oleh yang demikian, terdapat lompong-lompong yang telah dikenal pasti berkaitan dengan isu-isu kemiskinan seperti berikut:

- i. Wanita mempunyai latar belakang kemiskinan yang lebih tinggi berbanding dengan lelaki
- ii. Kemiskinan yang dihadapi oleh wanita lebih sengsara berbanding lelaki
- iii. Peningkatan kemiskinan wanita sering meningkat saban tahun

Pemahaman lebih lengkap tentang kemiskinan yang dihadapi oleh gelandangan wanita boleh dijadikan sebagai mengisi kelompangan kepada bidang ilmu sedia ada. Perbincangan tentang gelandangan wanita dari sudut kemiskinan feminisme masih belum digiatkan dengan terperinci di dalam kajian tempatan. Oleh itu, perbincangan dalam kertas ini mempunyai kekuatan tersendiri yang boleh diraikan sebagai suatu cabang ilmu. Perbincangan seterusnya akan meneliti kehidupan gelandangan wanita dan kemiskinan yang dilalui.

### 3. Gelandangan Wanita Di Malaysia

Gelandangan wanita paling terdedah dan mudah terancam dalam masyarakat. Sebagai permulaan, beberapa definisi gelandangan diketengahkan. Antaranya seperti berikut:

National Survey of homeless assistance providers and clients (NSHAPC) dalam [Rusenko & Loh \(2015\)](#) mendefinisikan gelandangan sebagai:

*Segelintir golongan yang tinggal di tempat program perlindungan kecemasan; tinggal di hotel kebajikan; tinggal di bangunan terbiar; tinggal di tepi kaki lima premis perniagaan; tinggal dalam caravan atau kereta; dan individu yang tinggal di tempat kekal program perumahan.*

[McKinney \(1987\)](#) mendefinisikan gelandangan ialah:

*Manusia yang tiada tempat tinggal tetap seperti orang biasa atau tempat kediaman yang mencakupi di waktu malam. Ianya merujuk tepat pada individu yang tinggal di tempat perlindungan sementara yang telah disediakan oleh kerajaan atau pihak swasta bertujuan membantu individu daripada merempat di jalanan.*

Berdasarkan [Muhamad Syafiq dan Doris \(2018\)](#), gelandangan ialah manusia yang tidak mempunyai tempat tinggal yang sempurna. Mereka menjelaskan lagi definisi gelandangan daripada Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu dikategorikan kepada dua iaitu gelandangan primer (utama) dan sekunder. Gelandangan primer merupakan manusia yang tinggal di jalanan tanpa ada tempat perlindungan. Manakala gelandangan sekunder ialah segelintir manusia yang tidak mempunyai tempat tinggal atau kediaman yang tetap dan berpindah randah mencari keselesaan. [Muhammad Ammar dan Mohd Anuar \(2018\)](#) menjelaskan bahawa gelandangan ialah orang yang tiada hala tuju dalam hidupnya namun boleh didefinisikan sebagai manusia yang tidak mempunyai tempat tinggal yang sempurna kerana faktor kemiskinan dan tinggal di jalanan.

[Muhammad Wafi dan Sharifah Rohayah \(2017\)](#) mendefinisikan satu fenomena individu di negara maju yang mana terdapat individu terbiar yang boleh dilihat di merata-rata tempat awam sekeliling kota, mengemis atau tidak, tidak mempunyai kerja, memilih untuk tinggal bermalam di kaki lima jalan raya dan penuh dengan masalah peribadi. [Farrah Wahida et al. \(2018\)](#) menyatakan gelandangan mempunyai definisi yang berbeza mengikut negara. Di Malaysia gelandangan ialah seseorang individu yang tidak mempunyai tempat tinggal yang tidak tetap dan juga tidak menentu kediaman. Manakala [Muhammad Nor Amin dan Fatimah \(2021\)](#), menyatakan gelandangan yang berasal daripada perkataan Indonesia bermaksud seseorang yang tiada arah berjalan ke sana sini tanpa ada arah tujuan. [Md Zawawi et al. \(2012\)](#) mendefinisikan gelandangan ialah individu yang terkesan dan tiada pilihan dan terpaksa berhadapan dengan pelbagai rintangan seperti kos hidup, masalah keluarga, desakan hidup dan memilih tidak hidup seperti norma-norma manusia yang lain serta tiada pendapatan dan tiada rumah. Selain itu, [Ku Basyirah et al. \(2017\)](#) menjelaskan gelandangan ialah orang hidup tertekan dan mengalami masalah kesihatan mental yang teruk atau seseorang yang tidak berupaya hidup normal akibat dari kemiskinan dan cuba menjauhi masyarakat kerana tekanan ekonomi yang mereka hadapi.

Pelbagai usaha telah dilakukan sama ada dari pihak kerajaan ataupun NGO terlibat secara berterusan menyelamatkan dan menyelesaikan masalah isu gelandangan yang telah mencacatkan kelestarian bandar raya Kuala Lumpur. Corak sosial gelandangan di Malaysia boleh dilihat dalam aspek sosiodemografi, sosioekonomi dan sosiobudaya. Dari segi sosiodemografi, gelandangan di Malaysia boleh dilihat kebanyakannya adalah lelaki. Umur gelandangan juga berbeza mengikut negeri dan kawasan gelandangan. Dari segi latar belakang sosioekonomi, ramai gelandangan adalah penganggur atau bekerja hanya cukup untuk makan sahaja. Penduduk yang menjadi gelandangan di Malaysia terdiri daripada etnik yang berbeza yang mencerminkan sosiobudaya negara ini. Walaupun begitu, terdapat juga gelandangan yang bukan daripada rakyat Malaysia. Di Malaysia, peranan NGO dalam menangani isu gelandangan menjadi jambatan utama bertindak sebagai mekanisme menyalurkan bantuan kepada golongan gelandangan termasuklah wanita. Wanita gelandangan datang berjumpa dengan NGO untuk mendapatkan keperluan asas, bantuan membayar sewa bulanan yang tertunggak, perubatan dan sebagainya.

Gelandangan wanita tidak dapat mengubah keadaan situasi ekonomi yang ada dalam keluarga mereka kerana tekanan kemiskinan yang dialami. Sehingga kini, ramai rakyat Malaysia hidup dalam kemiskinan dan cuba berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan dan tiada sedara-mara yang tinggal di bandar sebagai tempat sokongan menyebabkan mereka terpaksa hidup bergelandangan. Mereka bekerja dan sebahagian pendapatan diberikan kepada keluarga di kampung. Kebanyakan wanita yang bergelar

ibu tunggal akan mencari peluang pekerjaan di bandar-bandar besar dan meninggalkan anak mereka di bawah jagaan ibu di kampung dan menghantar wang bagi perbelanjaan anak-anak mereka. Namun, kesempitan hidup menyebabkan mereka tidak mampu membayar sewa rumah atau bilik kerana pendapatan yang sangat minimum. Kesukaran gelandangan wanita mendapatkan pendapatan yang mencukupi menyebabkan mereka tidak mampu memperoleh tempat tinggal yang stabil. Harga sewa bilik di sekitar Kuala Lumpur yang boleh mencapai RM 20-25 sehari sehinggalah RM 400-600 sebulan. Kegagalan membayar sewa rumah/bilik turut menyebabkan mereka meneruskan hidup di jalanan. Berdasarkan statistik dan pengalaman pengkaji/penulis, tidak ramai gelandangan wanita yang ditemui di negara ini. Namun, ini tidak bermakna isu kemiskinan feminisme boleh diabaikan. Maka, penelitian mendalam perlu diberikan sebelum isu ini menjadi lebih serius dan semakin mencabar untuk ditangani.

#### **4. Faktor Risiko Gelandangan Wanita Hidup dalam Kemiskinan**

Menjadi gelandangan bukan merupakan suatu pilihan dalam hidup. Namun demikian, manusia tidak dapat meramalkan apa yang akan terjadi pada masa hadapan. Menurut [Jones \(2012\)](#), hidup sebagai gelandangan tanpa tempat tinggal adalah sukar dan merbahaya terutama kepada golongan wanita. Terdapat beberapa faktor risiko wanita menjadi gelandangan yang dipetik daripada [Nor Amalina et al. \(2016\)](#). Penulis telah mendapat inspirasi daripada penulisan tersebut dengan membuat sedikit penambahan faktor risiko:

##### **4.1. Keganasan rumah tangga dan keluarga**

Menurut [Nor Amalina et al. \(2016\)](#), keganasan rumah tangga dan keluarga merujuk kepada sebarang tingkah laku dalam keluarga atau hubungan intim (mereka yang berada atau pernah berada dalam perkongsian intim, seperti pernah berkahwin, bercerai atau bertunang) yang mengancam, memaksa, mengawal atau ganas yang menyebabkan seseorang hidup dalam ketakutan ([Tually et al., 2008](#)). Masalah gelandangan wanita boleh berpunca daripadanya berlakunya keganasan dalam rumah tangga dan keluarga. Keadaan hidup yang tidak harmoni telah menyebabkan wanita yang menjadi mangsa melarikan diri daripada pasangan mahupun keluarga dan berakhir hidup menjadi gelandangan. Keadaan serba kekurangan, ketidakcukupan sumber untuk hidup dan tiada sebarang sokongan sosial membuatkan mereka terpaksa menjalani hidup yang miskin di jalanan. Ramai gelandangan wanita merupakan mangsa penderaan domestik, mengalami pengalaman kesihatan mental yang tidak baik, mempunyai penyakit kronik, ketagih pada alkohol, penyalahgunaan dadah serta tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Pengalaman hidup dalam kemiskinan berisiko memberi kesan kepada kesejahteraan mental gelandangan wanita. Terdapat juga dalam kalangan mereka yang pernah menjadi mangsa kes penderaan fizikal dan seksual. Hal ini membuktikan keganasan rumah tangga dan keluarga yang bersiko menyebabkan seseorang itu menjadi gelandangan.

##### **4.2. Gangguan mental dan emosi**

Wanita dan orang yang menderita penyakit mental kini merupakan segmen kelompok gelandangan yang paling cepat berkembang. Pakar perubatan dan penyelidik terus memperhatikan jurang dalam penyelidikan yang menerangkan keadaan atau keperluan khusus wanita yang hidup di jalanan dengan penyakit mental. Keadaan mental yang dihadapi menyebabkan seseorang wanita menjadi lebih berisiko kepada kehidupan

gelandangan dan kemiskinan. Malahan, golongan wanita yang menghadapi penyakit mental turut cenderung terlibat dalam jenayah. Jurang ini berlanjutan walaupun penemuan kajian mengesahkan bahawa wanita yang mempunyai sejarah penyakit mental berisiko lebih tinggi untuk dipenjarakan semula berbanding wanita tanpa sejarah tersebut. Setelah kehilangan tempat tinggal, wanita berisiko mengalami peningkatan gangguan mental dan fizikal, penyalahgunaan bahan dan pendedahan kepada trauma. [Lewinson, Thomas dan White \(2014\)](#) mendapati bahawa 50% daripada gelandangan yang bergelar ibu mengalami kemurungan yang tinggi selepas kehilangan tempat tinggal dan mempunyai kadar prevalens gangguan kesihatan mental seumur hidup yang lebih tinggi berbanding populasi umum ([Lewinson et al., 2014](#)). Terdapat juga korelasi yang tinggi antara penyakit mental dan gelandangan. Jelas sekali, keganasan rumah tangga dan penderaan menyumbang kepada penyakit mental ([Duchesne, 2015](#)). Kebanyakan wanita gelandangan mengalami pelbagai penyakit mental seperti skizofrenia dan gangguan personaliti, gangguan kemurungan, PTSD, PTSD kompleks dan gangguan bipolar. Menurut [Duchesne \(2015\)](#), terdapat halangan untuk wanita gelandangan mendapatkan rawatan untuk penyakit mental kerana kekurangan maklumat tentang sumber sedia ada dan perasaan malu terhadap penyakit mereka. Penyakit mental yang tidak dirawat memburukkan keadaan dan menyumbang kepada masalah gelandangan wanita ([Duchesne, 2015](#)). Keadaan ini menyebabkan mereka ini lebih terdedah dan berterusan menjadi gelandangan untuk tempoh yang sangat lama. Kehidupan gelandangan yang diburukkan dengan masalah gangguan mental dan emosi boleh memberi kesan kepada kemiskinan. Ia suatu yang membimbangkan apabila masalah yang dialami oleh gelandangan wanita ini boleh menjadi pelbagai dan bertindih.

#### 4.3. Pengangguran

Salah satu faktor yang sering kali dikaitkan dengan gelandangan dalam kalangan wanita adalah kesukaran mendapat pekerjaan. Kajian mendapati gelandangan wanita mengalami kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan yang sah, dengan gaji yang setimpal. Keadaan ini menjadi suatu beban yang besar buat mereka untuk memastikan kelangsungan hidup. Gelandangan wanita yang terlibat dalam pekerjaan yang sah kurang berisiko untuk berada dalam keadaan kemiskinan yang kronik. Ketidakupayaan mendapat pekerjaan kerana status sebagai bekas banduan membantutkan usaha, melemahkan motivasi diri dan memberi tekanan dalam kalangan gelandangan untuk berubah ke arah yang positif ([Berg & Huebner, 2011](#)). Hal ini membuktikan pengangguran boleh memberi impak yang besar kepada kemiskinan dalam kalangan gelandangan wanita. Mereka yang gagal mendapatkan pendapatan akan tersekat dalam kepompong kemiskinan yang berpanjangan. Kesempitan hidup juga boleh menyebabkan berlakunya isu gelandangan wanita yang terlibat dalam aktiviti jenayah kerana terdesak untuk mendapatkan wang.

#### 4.4. Ketagihan dadah dan alkohol yang berterusan

Selain pengalaman penderaan semasa zaman kanak-kanak, faktor penyebab menjadi gelandangan ialah penggunaan dadah dan alkohol. Masalah penyalahgunaan dadah sering menjadi faktor pencetus kepada masalah gelandangan di dalam komuniti. Terdapat juga gelandangan wanita yang merupakan bekas banduan. Kegagalan untuk berintegrasi semula ke dalam masyarakat sering membawa kepada pengulangan kepada tingkah laku jenayah dadah. Malahan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat banyak kajian mengenai banduan wanita dan penyalahgunaan dadah ([Finfgeld-Connett](#)

& Johnson, 2011). Hal ini membuktikan bahawa gelandangan wanita ini cenderung dengan masalah ketagihan yang sangat kronik. Pembabitan dadah dalam kalangan gelandangan sama ada wanita mahupun lelaki bukanlah satu isu baharu. Penglibatan wanita gelandangan dengan dadah tidak menghairankan kerana mereka terdedah kepada pelbagai jenis dadah di jalanan.

Kajian juga turut mendapati wanita gelandangan merupakan antara penagih dadah yang telah ditolak oleh keluarga mereka sendiri (Clark, 2014). Hal ini jelas menunjukkan bahawa penyalahgunaan dadah dan alkohol adalah antara faktor menyebabkan golongan tersebut kehilangan tempat tinggal. Apabila keluarga mendapat tahu tentang kelakuan tidak bermoral mereka dalam dadah, mereka secara automatik ditolak dan diasingkan daripada mereka sendiri ahli keluarga. Akibatnya, mereka tidak mempunyai sebarang tempat perlindungan sementara untuk tinggal. Oleh itu, berada di jalanan adalah pilihan terakhir bagi mereka. Tanpa penerimaan keluarga, mereka tidak mempunyai rasa arah. Akhirnya, mereka meneruskan kehidupan sebagai gelandangan.

Faktor-faktor yang dibincangkan jelas menggambarkan mengapa segelintir wanita memilih hidup bergelandangan sebagai pengakhiran hidup. Statistik tersebut memberikan gambaran tentang masalah ketagihan turut menjadi antara penyebab kepada gelandangan dalam kalangan wanita. Secara keseluruhan, perbincangan tentang faktor risiko gelandangan membuktikan keperluan untuk membasmi kemiskinan yang wujud bagi mengeluarkan gelandangan wanita daripada kehidupan jalanan.

## 5. Kesimpulan

Masalah gelandangan menjadi isu yang hangat diperdebatkan terutama melibatkan gelandangan wanita yang gagal mencapai akses keperluan yang diperlukan oleh manusia. Peranan wanita dalam ekonomi dilihat sebagai kurang penting oleh masyarakat kerana mereka dilabelkan sebagai tidak berupaya mencari rezeki dan membantu keluarga. Apabila segelintir wanita menjadi balu atau bercerai, mereka kemurungan dan tidak tahu untuk bertindak mencari rezeki kerana tiada pengalaman kerja. Pengakhirannya, terdapat wanita yang terpaksa hidup bergelandangan. Namun begitu, kehidupan bergelandangan ini bukan yang mereka impikan namun disebabkan situasi yang terdesak. Sukar untuk menyatakan tahap kemiskinan yang dialami wanita di setiap negara di dunia kerana ia adalah berbeza. Namun, isu kemiskinan membuatkan ramai wanita terjebak dan tidak mempunyai daya upaya untuk keluar daripada kepompong kemiskinan tanpa sokongan daripada pelbagai pihak. Walaupun pihak kerajaan telah melakukan pelbagai usaha untuk membasmi gelandangan wanita dan membawa mereka pulang ke pangkuan keluarga, namun ianya hanya seketika sahaja dan mereka kemudiannya kembali menjadi gelandangan semula akibat tidak mahu menyusahkan keluarga mereka. Oleh yang demikian, semua pihak yang terlibat perlu mencari jalan penyelesaian yang berkesan untuk mengubah nasib gelandangan wanita dengan mendapatkan akses keperluan, perubatan, pekerjaan, jaminan keselamatan agar mereka dapat meneruskan kehidupan seperti manusia biasa.

## Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulisan ini merupakan hasil inspirasi daripada kajian Ijazah dalam Pengajian Gender dan Pembangunan yang sedang diambil oleh penulis pertama di Fakulti Ekologi Manusia. Penulis sedang mengkaji kajian tentang pengulangan jenayah dan kemiskinan

dalam kalangan gelandangan wanita. Penulisan ini diharap mampu memberi inspirasi buat pengkaji luar untuk mendalami kajian tentang kemiskinan feminisme dengan lebih terperinci.

### **Kewangan (*Funding*)**

Penulis memperolehi geran pembiayaan yang dikenali sebagai geran Penjanaaan Penyelidikan 2021 dengan no. kod S/O 21123 sebanyak RM 10,000 dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Utara Malaysia untuk kajian ini

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)**

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

### **Rujukan**

- Berg, M.T., & Huebner, B.M. (2011). Reentry and the ties that bind: An examination of social ties, employment, and recidivism. *Justice Quarterly*, 28(2), 382-410.
- Cagatay, N. (1998). Gender and poverty. Working paper series. Endorsement by United Nations Development Programme or the institutions
- Chant, S. (2006). Re-thinking the "feminization of poverty" in relation to aggregate gender indices. *Journal of Human Development*, 7(2), 201-220. doi:10.1080/14649880600768538
- Chant, S. (2014). Exploring the 'feminisation of poverty; in relation to women's work and home-based enterprise in slums of the global south. *International Journal of Gender and Entrepreneurship*, 6(3), 296-316.
- Chant, S. (2015). The 'feminization of poverty': A reflection 20 Years after beijing. <http://www.unrisd.org/beijing+20-chant>
- Clark, L. (2014, October 21). *Short and long-term effects of family rejection on LGBTQ youth*. <https://genderterror.com>
- Desarrollo, M. Y. (2004). *Understanding poverty from a gender perspective*. United Nations Publication. Santiago.
- Duchesne, A (2015). *Women and Homelessness in Canada*. Centre for research on children and families. Cloyes, K. G., Wong, B., Latimer, S., & Abarca, J. (2010). *Women, serious mental illness and recidivism*. *Journal of Forensic Nursing*, 6(1), 3-14.
- Farrah Wahida Mustafar, Mohd Taib Dora, Faudziah Yusof, Fazurah Mustaffa, Mohammad Yasin Omar Mokhtar. (2018). Budaya local penyumbang komuniti jalanann di Malaysia. (PDF) BUDAYA LOKAL PENYUMBANG KOMUNITI JALANAN DI MALAYSIA (researchgate.net)
- Finfgeld-Connett, D., & Johnson, E. D. (2011). *Therapeutic Substance Abuse Treatment for Incarcerated Women*. *Clinical Nursing Research*, 20(4), 462-481.
- Fukuda-Parr, S. (1999). What does feminization of poverty mean? It isn't just lack of income. *Feminist Economics*, 5(2), 99-103. doi: doi.org/10.1080/135457099337996
- Gaetz, S., Donaldson, J., Richter, T., & Gulliver, T. (2013). A Homeless Hub Research Paper. *The State of Homelessness in Canada*, 27.

- Gimenez, M. E. (1995). The feminization of poverty: myth or reality?. *International Journal of Health Services*, 19(1), 45–61. doi:10.2190/9BBE-PHM5-TYV4-ERAX
- Lewinson, T. , Thomas, L. & White, S. (2014). *Traumatic Transitions Homeless Women's Narratives of Abuse, Loss, and Fear*. *Affilia*. [https://www.researchgate.net/publication/283333361\\_Traumatic\\_Transitions\\_Homeless\\_Women's\\_Narratives\\_of\\_Abuse\\_Loss\\_and\\_Fear](https://www.researchgate.net/publication/283333361_Traumatic_Transitions_Homeless_Women's_Narratives_of_Abuse_Loss_and_Fear)
- Jones, S. (2012, December 31). *Homelessness soars among US Iraq and Afghanistan war veterans*. <https://www.wsws.org/en/articles/2012/12/31/vets-d31.htm>
- Kartini Aboo Talib @ Khalid, (2016). Dilema Kemiskinan: Falsafah, Budaya dan Strategi. *Akademika* 86(2), 65-78. <http://doi.org/10.17576/akad-2016-8602-05>
- Klitzing, S. W. (2004). Women living in a homeless Shelter: stress, coping and leisure. *Journal of Leisure Reseach*, 36, 483-512
- Ku Basyirah Ku Yaacob, Mohd Suhaimi Mohamad dan Norulhuda Sarnon. (2017). Isu gelandangan di Malaysia: Tahap kesihatan mental dan kemahiran hidup. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (Special Issue)*: 119–131.
- MacKenzie A. C. (2019). Feminization of poverty: Causes and Implications. *Gender Equality*, Encyclopedia of the UN Sustainable Development Goals, [https://doi.org/10.1007/978-3-319-70060-1\\_6-1](https://doi.org/10.1007/978-3-319-70060-1_6-1)
- McKinney, S.B. (1987) Homeless assistance Act. H.R. 558 (100<sup>th</sup>). <https://www.govtrack.us/congress/bills/100/hr558>.
- McLanahan, S. S. & Kelly, E. L. (1999). *The feminization of poverty, past dan future*. Chapter 7. Princeton.
- Melo, C. L. (2019). The femization of poverty: A brief Analysis of gender issues and poverty among women and girls. *The Canadian of critical nursing discourse*, 1(1),73-81.
- Md Zawawi Abu Bakar, Rajwani Md Zain & Azlizamani Zubir @ Salim. (2012). Menelusuri amalan keagamaan dalam gelandangan muslim. *Jurnal pembangunan sosial*, 20, 89-103
- Mohd Alif Jasni (2022). Jenayah Dan Gelandangan Wanita: Faktor, Kesan, Garis Panduan Kepada Pemulihan Sosial, Dan Keperluan Praktis Kerja Sosial Dalam Aspek Perundangan Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(7), 1-21.
- Muhammad Ammar Harith Idris & Mohd Anuar Ramli. (2018). Pemeraksanaan golongan gelandangan dalam membentuk kesejahteraan sosial dari perspektif Maqasid al-Shariah. *Semnar serantau peradaban Islam 2018*. Institute Islam Hadhari, UKM: 14-15 Nov 2018
- Muhammad Nor Amir bin Abdul Rahman & Fatimah Yusro Hashim. (2021). Hala tuju pengurusan gelandangan pasca Covid-19. *International conference on syariah & law 2021(ICONSYAL 2021)* online conference 6<sup>th</sup> April 2021.
- Muhamad Syafiq Sham dan Doris Padmini Selvaratnam. (2018). Strategi kelangsungan hidup gelandangan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur. *Sains Humanika*, 10(2), 19-29
- Muhammad Wafi Ramli & Sharifah Rohayah Sheikh Dawood. (2017). Memahami permasalahan golongan terpinggir di bandar: kajian kes gelandangan di George Town, Pulau Pinang. *Geografi*, 5(2), 79-94.
- Nor Amalina Mohd Adib, Zaliha Hj. Hussin & Yarina Ahmad (2016). Homeless women in Malaysia: Their choice or victims of situations. *Journal of Education and Social Sciences*, 5(3), 8-15.
- Norzita Jamil, & Siti Hadijah Che Mat, (2014). Realiti kemiskinan: Satu kajian teoritikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(1), 167-177.

- Rusenko, R. & Loh, D. Y. M. (2015). Begging the destitute persons act 1977, and punitive law: an exploratory survey. UM-FBAPaper\_Rusenko.Loh.pdf
- Sicchia, S. R., & Maclean, H. (2006). Globalization, poverty and women's health: Mapping the connections. *Canadian Journal of Public Health*, 97(1), 69-71.
- The Rakyat. (2014, July 4). *CCM Youth urges minister to have compassion on homeless*. <http://www.therakyatpost.com/news/2014/07/04/ccm-youth-asks-minister-compassion-homeless>
- Tually, D. S., Faulkner, D. D., Cutler, M. C., & Slatter, A. P. (2008). A Synthesis Report. *Women, Domestic and Family Violence and Homelessness*, 16.
- United Nations Research Institute for Social Development (2005) *Gender Equality: Striving for Justice in an Unequal World*, UNRISD, Geneva.
- Veeran, V. (2000). Feminization of poverty. *Women's Symposium of International Association of Schools of Social Work*. [https://www.researchgate.net/profile/Vasintha-Veeran-2/publication/268506084\\_FEMINIZATION\\_OF\\_POVERTY/links/546cf5fe0cf2a7492c55af19/FEMINIZATION-OF-POVERTY.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Vasintha-Veeran-2/publication/268506084_FEMINIZATION_OF_POVERTY/links/546cf5fe0cf2a7492c55af19/FEMINIZATION-OF-POVERTY.pdf)